

Berani Menurut Islam

Bagaimanakah erti berani? Askar yang berjuang di dalam peperangan dengan senjata yang lengkap belum tentu boleh diberi taraf berani - kerana banyak manusia yang pengecut boleh menghadapi dan bertentangan dengan musuh, dengan semangat dan muka yang berani, tetapi apabila digagahi oleh lawan kerap kali membuang senjata, angkat kaki terus lari! Sebab berani hanya dibuat-buat dan berpura-pura sahaja.

(oleh: Yusuf Yunus)

Orang yang sanggup menghadapi segala jenis kesulitan dan kerumitan di dalam menempuh gelombang kehidupan, tidak gentar dan hilang fikiran, itulah peribadi yang 'berani'.

Bukan hanya di medan perang harus seseorang itu menunjukkan keberanian, bukan hanya pada seseorang yang boleh menangkap harimau garang dikatakan berani. Melainkan semua manusia mesti berani. Berani ialah dengan kebenaran. Berani kerana menempuh hidup. Hingga segala rintangan dan kesusahan tidak bertempat pada manusia yang berhati berani. Kebenaran adalah kesanggupan bagi tiap-tiap manusia di dalam menempuh percubaan hidup yang beralaskan kebenaran.

Ketika bertemu dengan kesulitan, pada masa itulah baharu diketahui mana yang berani dan mana pula yang penakut, mana yang jujur dan mana pula yang berpura-pura.

Selagi tampang keberanian ada tersemat di dalam lubuk jiwa satu-satu bangsa, sudah pasti bangsa itu tidak suka diperintah oleh bangsa asing, tidak gemar negerinya jadi tumpuan penjajahan, tidak gentar menghadapi apa bahaya kerana negeri, agama dan bangsa.

Sudah hilangkah ampang keberanian bangsa Melayu? Tidak! Tidak !!

Bangsa Melayu tetap ada mempunyai ampang keberanian.

Cubalah memandang sejarah, betapa berani orang Melayu zaman purbakala, zaman kebesaran Kerajaan Melayu Melaka, mereka tidak mahu ditakluki, tidak mahu negeri, bangsa dan agama mereka dijajahi. Begitu besar angkatan Portugis, namun orang Melayu tetap tidak undur, kerana semangat dan watak keberanian di dalam sanubari mereka. Sanggup berkorban bertumpah darah walaupun akhirnya gagal.

Melihat bendahara yang sudah begitu tua, serta terlalu uzur, ke mana pergi terpaksa diusung, sebab tepoknya, tetapi oleh kerana berani di dalam semangat mempertahankan kedaulatan bangsa, negara dan agama Allah, minta supaya dilanggarkan dirinya kepada musuh, ketika orang-orang Melaka undur. Syabas Bendahara! Syabas Melayu!

Apabila manusia sanggup dan berani menerima kemenangan, pasti berani pula menerima kekalahan. Bagi seseorang yang berani mengeluarkan perbelanjaan kerana mencari keuntungan dan kelabaan, harus berani mencari keuntungan dan kelabaan, harus berani mengeluarkan perbelanjaan kerana mencari keuntungan dan kelabaan, harus berani pula bertemu dengan kerugian sebelum mendapat keuntungan. Juga keberanian bukan

sahaja digunakan manusia pada ketika mendaki,
hendaklah sanggup menggunakan pada ketika menurun pula.

Kita sudah mengadakan beberapa pasukan tentera, kerana mengawal tanah air dengan semangat berkobar-kobar dan penuh keberanian. Kita telah memberi latihan terhadap dengan penuh, bagi mengembalikan keamanan, kita telah melengkapkan dengan kelengkapan yang sempurna. Sedangkan kita masih ragu-ragu dengan keberanian dan kekuatan kita!

Mengapa?!

“Kematian semangat!”

Di dalam memilih satu-satu taraf kehidupan, kita seharusnya jangan merasa ragu dan gentar terhadap bangsa dan orang lain sebab kita berdasarkan kebenaran - “Berani kerana benar”. Nasib kita, hendaklah kita berikhtiar mengubahkannya jangan bergantung kepada orang lain. Walau beberapa alasan membantah perdirian kita, pasti berani tentang dan berjuang.

Mengapa takut menentang dengan kebenaran?

Menentang dengan kebenaran kerana menuntut kemerdekaan adalah keberanian manusia setelah jaga.

Kemerdekaan hidup adalah sebanding dengan kemerdekaan di dalam Islam.

Takut kalah adalah kalah yang sejati. Takut mati adalah mati sebelum mati. Hidup itu bergerak, bergerak dan maju, berjuang dengan kebenaran. Sebab kebebasan adalah hak bagi tiap-tiap seorang manusia, seharusnya dimiliki oleh tiap-tiap jiwa. Manusia yang sudah memiliki kebebasan adalah mulia - mulia di sisi Allah dan manusia. Tegasnya menurut perintah Allah *subhānahu wa ta‘ala* membuat dan mengerjakan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang ditegah dengan beraninya.

Sebagai seorang manusia, tetap mempunyai perjuangan yang tak akan tamat pada diri sendiri dan orang lain. Kalau berjuang menuntut kebebasan dan

telah berhasil, maka berjuang pula mempertahankan kebebasan dan berjuang mengendalikan kebebasan. Berjuang mengisi kebebasan dan mengembalikan segala kedaulatan. Kalau perjuangan sudah tidak ada bersyukur apa yang ada diberi orang, bersabar manakala sudah bersabar, menyerah manakala sudah menderita - ertinya orang itu sudah mati bersama-sama negara dan agama serta bangsanya.

Mencari kemenangan bukanlah perkara kecil, kemerdekaan dan kebebasan bukanlah harga murah sebab itu hendaklah berani kelak pada masa kerugian, sebagai galak pada masa menerima keuntungan. Dan gembiralah pada masa belayar kematian angin, sebagai gembira pada masa mengikut angin. Satukanlah tenaga bersama, carilah paduan untuk panduan - sebelum tenaga berbelah bagi dan paduan mencari harga.

Berusaha terus berusaha,

Berjuang terus berjuang

Mencuba tidak ragu-ragu.

Walaupun gagal kali permulaan, itulah keberanian yang sejadi dan abadi.

Manusia yang tidak sanggup atau tidak berani menguasai dirinya, jangan diharap ia boleh menguasai orang lain, kerana keberanian itu kesanggupan juga bertentang dengan hawa nafsu - sanggup memenuhi kehendak akal yang waras kerana ramai dan untuk ramai.

Berani hendaklah beserta dengan perjuangan. Perjuangan hendaklah mengikut dasar dan peri kemanusiaan serta menunaikan kewajiban dengan agama - untuk panduan adalah ‘Islam’ itu. Itulah berani yang suci dan mulia.